

The screenshot shows the homepage of the ATM - Information Management & Governance website. The header features a large logo on the left, followed by the text "ATM - INFORMATION MANAGEMENT & GOVERNANCE" and "Main Portal". Below the header is a navigation menu with tabs: Main (selected), National, Overseas, Business, and Sports. The main content area includes a section titled "Today's Images" with three small images: "Tanah pertanian jadi perumahan", "Berkley permata", and "Budak nyaris maut terimbun". To the right are two charts: "Agents" showing document counts for various news sources like METRO, KOSMO, NST, THESTAR, BERITAHAR..., and UTUSAN; and "Category" showing document counts for categories like ARCH..., BUSI..., COM..., NATION, SPORT, BUST..., COLU..., INVE..., SME, and WORLD. Below these charts is a "Latest News (Main)" section with two news items: "Ensure Bibles are returned, MCA tells Khalid - Nation | The Star Online" and "Interest-free business loans for Ramadan - Nation | The Star Online". The bottom of the screen shows a taskbar with various icons and the system tray indicating the date and time as 6/6/2014 at 10:22 AM.

PENGENALAN

1. Pelaksanaan sistem ATM IMG adalah bertujuan menyediakan satu platform yang *generic* yang boleh mengakses maklumat dari berbagai sumber untuk warga ATM pada peringkat permulaan. Injin utama ATM IMG ini adalah sebuah enjin carian yang berprestasi tinggi dari segi pergabungan data, prestasi carian, kepelbagaiuan pemaparan data dan *highly scalable*.

OBJEKTIF

2. Objektif pelaksanaan sistem ATM IMG adalah seperti berikut:
 - a. Meningkatkan tahap carian maklumat oleh warga ATM yang lebih efisien
 - b. Membolehkan warga ATM mencapai berita-berita terkini dari agensi-agensi berita berlainan dari satu lokasi
 - c. Menyediakan kemudahan akses maklumat HRMIS bagi pihak pentadbir
 - d. Menyemai budaya perkongsian maklumat diantara perkhidmatan, bermula dari dokumen-dokumen terhad dan HRMIS. Walaubagaimanapun pada peringkat permulaan maklumat-maklumat HRMIS hanya boleh diakses oleh pihak pentadbir sahaja.


AKSES SISTEM

3. Pautan Akses ke sistem ATM IMG boleh dicapai melalui rangkaian berikut:
 - a. **Pautan Internet.** Sistem ATM IMG boleh diakses melalui rangkaian internet dengan pautan alamat berikut: <http://210.187.88.72:8081/imgatm/pages>
 - b. **Pautan Intranet.** Manakala pautan berikut digunakan untuk mengakses melalui rangkaian intranet : <http://172.17.1.12:8081/imgatm/pages>
 - c. **Akses dari Portal Perkhidmatan.** Akses ke sistem ATM IMG boleh dilakukan secara manual tetapi adalah lebih kemas dan teratur pautan akses disediakan di setiap portal perkhidmatan. Unit sistem maklumat perkhidmatan yang menyelenggara portal diminta berkerjasama untuk membuat penyediaan akses sistem ATM IMG.

TATACARA PENGGUNAAN


4. **Tatacara Pendaftaran Pengguna.** Tatacara pendaftaran pengguna sistem ATM IMG dibahagikan kepada dua cara seperti berikut:

a. **Pendaftaran Atas Talian.** Pendaftaran dibuka kepada semua warga ATM. Pengguna akan diminta memasukkan maklumat anggota. Maklumat yang dimasukkan akan digunakan oleh pentadbir sistem untuk menyemak kesahihan maklumat tersebut. Berikut adalah langkah-langkah pendaftaran pengguna:



b. **Akses ke laman Pendaftaran**

Klik pada ikon pengguna



Di laman utama sistem ATM IMG pengguna boleh klik pada ikon pengguna untuk memaparkan skrin login pengguna seperti gambarajah berikut.

The screenshot shows a 'Login' window with two input fields: 'Army ID' and 'Password'. Below these is a 'Forgot Password?' link. At the bottom right is a blue 'Login' button, and directly below it is a blue 'Sign Up' link. A dashed rectangular box encloses the 'Sign Up' link.

Klik pada Sign Up untuk ke skrin pendaftaran


c. **Skrin Pendaftaran**

The screenshot shows a 'Sign Up' window with five input fields: 'Name', 'Email', 'Phone Number', 'Birth Date', and 'Army ID (Non-service user IC No.)'. At the bottom is a blue 'Submit' button. A dashed rectangular box encloses the 'Submit' button.

Klik pada butang Submit

- i). Untuk pengguna ATM, nombor tentera wajib dimasukkan untuk pengesahan pentadbir sistem.
- ii). Manakala untuk pengguna awam, nombor kad pengenalan pengguna dan talipon perlu dimasukkan. Untuk pengguna awam, kelulusan adalah tanggungjawab pentadbir ATM.
- iii). Untuk makluman, hanya emel rasmi MOD, TLDM dan TUDM sahaja boleh digunakan.

d. **Pengesahan Emel**



Setelah pendaftaran dilakukan, sistem ATM IMG akan menghantar satu emel pengesahan dimana pengguna perlu memasukkan katalaluan ke sistem tersebut.

The screenshot shows a password creation form titled 'Password'. It contains two input fields: 'Password' and 'Retype Password', both represented by empty text boxes. Below the input fields is a blue 'Create' button.

Katalaluan pengguna memerlukan gabungan *alphanumeric*. Untuk makluman, emel pengesahan ini hanya sah untuk 3 hari sahaja. Selepas 3 hari, pengguna tidak akan dapat mengakses ke skrin katalaluan lagi. Adalah dinasihatkan selepas pendaftaran semak emel masing-masing untuk melengkapkan proses pengesahan emel. Jikalau ianya juga berlaku, pengguna perlu menghubungi pentadbir sistem ATM IMG untuk menghantar semula emel pengesahan yang baru.

e. **Kelulusan Pengguna.** Proses kelulusan ini akan dilakukan oleh pentadbir sistem ATM IMG perkhidmatan masing-masing.

f. **Pendaftaran Manual.** Pentadbir ATM bertanggunjawab untuk mendaftarkan pengguna yang akan dihantar oleh perkhidmatan. Senarai pengguna yang dihantar memerlukan maklumat berikut:

- No. Tentera
- Nama
- Pangkat

Pentadbir akan mendaftar pengguna secara terus ke dalam sistem bersertakan katalaluan. Senarai pengguna yang didaftar akan dimaklumkan semula kepada perkhidmatan. Pengguna dinasihatkan membuat pertukaran katalaluan di sistem ATM IMG.

MODUL SISTEM ATM IMG

5. Modul sistem ATM IMG yang telah dibangunkan untuk kemudahan dan kegunaan warga ATM adalah seperti berikut:

Modul	Keterangan	Sumber Data	Intranet	Internet
Paparan Berita				
Portal Umum	Portal umum ini bertujuan memaparkan berita-berita terkini agensi berita untuk kemudahan warga ATM. Warga ATM dapat membaca dan mengetahui berita-berita dari berbagai sumber dalam satu portal. Pengguna juga boleh menggunakan portal ini untuk mencari berita-berita yang diminati oleh pengguna.	Agensi Tempatan: 1. NST 2. Berita Harian 3. The Star 4. Kosmo 5. Harian Metro 6. Utusan Asia Tenggara 1. Tribune 2. Brunei Times 3. Jakarta Post 4. Bangkok Post 5. Strait Times	Ada	Ada

		World 1. BBC 2. CNN		
Portal Defense & Security	Portal Defense & Security ini memerlukan pengguna login ke sistem. Kemudahan yang disediakan adalah sama dengan portal umum. Paparan berita di portal ini telah ditapis dimana berita-berita berkaitan dengan isu pertahanan dan keselamatan yang akan dipaparkan.	Sama dengan Portal Umum	Ada	Ada
Penggunaan Maklumat HRMIS				
Maklumat Eksekutif	Modul maklumat eksekutif ini digunakan untuk mengetahui kesiapsiagaan tenaga manusia secara keseluruhan ATM.	HRMIS – ATM	Ada	Tiada
Carian Kepakaran	Modul ini bertujuan untuk membolehkan pengguna untuk mencari anggota yang mempunyai skil tertentu.	HRMIS – ATM	Ada	Tiada
Plotting	Modul ini bertujuan sebagai panduan pemilihan anggota untuk mengantikan jawatan kosong atau untuk mengantikan anggota yang sudah naikkan pangkat.	HRMIS – ATM	Ada	Tiada
Carian Dokumen	Modul ini adalah untuk memudahkan warga ATM untuk mencari dokumen dengan lebih cepat dan efisien.	1. TDM 2. TLDM 3. TUDM	Ada	Tiada
Pengurusan Pengguna	Modul ini adalah untuk kegunaan pentadbir sistem untuk menguruskan pendaftaran pengguna dan pemberian peranan pengguna dengan tepat.		Ada	Tiada